

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PENGAJIAN AM

**PEPERIKSAAN AKHIR
SESI DISEMBER 2015**

DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA

**TARIKH : 02 APRIL 2016
MASA : 8.30 AM - 9.30 AM (1 JAM)**

Kertas ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak.
Objektif (40 soalan)
Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)


SULIT

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi EMPAT PULUH (40) soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- | | |
|------------|--|
| CLO1
C2 | <ol style="list-style-type: none"> 1. Melaka telah mengalami pergolakan politik apabila Portugis tiba. Apakah pergolakan politik tersebut? <ol style="list-style-type: none"> A. Persaingan kuasa antara Bendahara dan Sultan Melaka B. Persaingan kuasa antara golongan Melayu dengan India Muslim C. Persaingan kuasa antara Laksamana dan Temenggung D. Persaingan kuasa untuk memungut hak cukai antara Bendahara dan pembesar-pembesar tanah jajahan
 2. Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kesultanan Melayu yang tertua dalam sejarah Malaysia. Ia merupakan warisan dari kerajaan _____. <ol style="list-style-type: none"> A. Majapahit B. Sriwijaya C. Empayar Johor D. Funan
 3. Selepas penaklukan Portugis di Melaka, Sultan Ahmad Syah dan Ayahandanya Sultan Mahmud Syah telah berundur di Johor serta mendirikan kerajaan Melayu Johor. Sepanjang pendirian Kesultanan Johor, pemerintah-pemerintah Johor dipimpin oleh 3 dinasti, KECUALI <ol style="list-style-type: none"> A. Dinasti Kesultanan Melaka B. Dinasti Temenggung C. Dinasti Kesultanan Johor D. Dinasti Bendahara |
|------------|--|

Soalan 4 dan 5 merujuk kepada rajah di bawah:



- | | |
|------------|---|
| CLO1
C2 | <ol style="list-style-type: none"> 4. Rajah di atas menunjukkan senarai jawatan yang terdapat dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Apakah jawatan Y? <ol style="list-style-type: none"> A. Penghulu Bendahari B. Biduanda C. Temenggung D. Panglima |
|------------|---|

SULIT

DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA

- CLO1
C2
5. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka di atas?
- Hanya terdapat enam jawatan penting sahaja dalam Kerajaan Kesultanan Melaka
 - Pilihanraya diadakan untuk memilih ketua-ketua pentadbiran
 - Masyarakat Melayu mempunyai sistem pentadbiran yang teratur
 - Perlantikan ke jawatan adalah melalui peperiksaan yang ketat
- CLO1
C2
6. Perjanjian ini telah membahagikan Alam Melayu kepada dua bahagian, iaitu Tanah Melayu dibawah naungan British. Manakala Sumatera, kepulauan Riau-Lingga di bawah naungan Belanda. Perjanjian ini merujuk kepada _____.
- Perjanjian Inggeris-Belanda
 - Perjanjian Burney
 - Perjanjian Inggeris-Siam
 - Perjanjian Pangkor
- CLO1
C2
7. Pendudukan Jepun telah memberikan pelbagai kesan positif dan negatif terhadap masyarakat Tanah Melayu. Antara kesan positifnya ialah memberi kesedaran politik kepada masyarakat tempatan untuk mencapai kemerdekaan. Hal ini kerana Jepun menggunakan propaganda _____.
- Malaya untuk Orang Malaya
 - Malaya untuk Orang Asia
 - Asia untuk Orang Asia
 - Kemakmuran Asia
- CLO1
C2
8. Berikut adalah faktor-faktor yang memberi sumbangan kepada kemenangan tentera Jepun ke atas tentera British di Tanah Melayu **KECUALI**
- Persediaan perang oleh Jepun
 - Bantuan dari tentera Thailand
 - Kekurangan tentera British
 - British tidak bersedia
- CLO2
C2
9. Antara berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai Kabinet?
- Diketuai oleh Perdana Menteri
 - Ahli Jemaah Menteri dilantik oleh Perdana Menteri
 - Kabinet akan dibubarkan sekiranya parliment dibubarkan
 - Kabinet ialah agen tertinggi penggubal dasar negara.

SULIT

DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA

- CLO2
C2
10. Parlimen Malaysia mengandungi tiga komponen. Komponen tersebut ialah _____.
- Menteri Besar, Dewan Undangan Negeri dan Pegawai Daerah
 - Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat
 - Sultan, Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat
 - Yang di-Pertuan Agong, Sultan dan Perdana Menteri
- CLO2
C2
11. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di dalam negara. Berikut adalah peruntukan istimewa yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan **KECUALI**
- Islam merupakan agama rasmi persekutuan.
 - Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
 - Rakyat berhak mendapat pendidikan.
 - Hak keistimewaan orang Melayu.
- CLO2
C2
12. Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA) berada di kemuncak ketiga-tiga bidang kuasa
- Pernyataan di atas menerangkan tentang _____.
- YDPA mendokong Perlembagaan Persekutuan
 - YDPA mengatasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan
 - YDPA mengetuai badan Perundangan, Kehakiman dan Badan Eksekutif
 - YDPA mengatasi semua Senarai Persekutuan, Senarai Negeri serta Senarai Bersama
- CLO2
C2
13. Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai Yang Di-Pertuan Agung.
- Ketua tiga cabang kerajaan, iaitu pentadbiran, perundangan dan kehakiman
 - YDPA tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah
 - Bertindak sebagai Ketua Negara
 - Lambang taat setia rakyat
- CLO2
C2
- 14.
- Pemerintahan secara perwakilan
 - Pengiktirafan kebebasan minoriti
 - Persamaan kebebasan asasi
- Maklumat di atas berkaitan dengan
- Kerajaan berperwakilan
 - Demokrasi berparlimen
 - Sistem persekutuan
 - Kebebasan asasi

	SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA	SULIT	DUB1012: PENGAJIAN MALAYSIA
CLO2 C2	15. Kontrak sosial merujuk kepada pernyataan berikut KECUALI A. Satu perjanjian atau persetujuan yang ditulis dan ditetapkan oleh perlembagaan B. Permuafakatan antara kaum yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India C. Diwakili oleh parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC D. Menekankan tentang hak-hak keistimewaan semua kaum			Soalan 20 berdasarkan kenyataan di bawah. Perasaan bangga dalam kalangan etnik tertentu bahawa budaya mereka yang lebih baik daripada etnik lain.
CLO2 C2	16. Pindaan terhadap perkara mengenai kedudukan hak istimewa orang Melayu memerlukan _____. A. Lebih suara 2/3 ahli Dewan Rakyat B. Persetujuan 2/3 ahli Majlis Parlimen dan diperkenankan oleh Majlis Raja-raja. C. Lebih suara 2/3 ahli Majlis Parlimen dan mendapat keizinan sultan. D. Lebih suara 2/3 ahli DUN Sabah dan Sarawak.	CLO3 C3	20. Kenyataan di atas merujuk kepada konsep _____. A. Prejudis B. Rasisme C. Stereotaip D. Etnosentrisme	
CLO2 C2	17. Antara berikut, yang manakah merupakan undang-undang bertulis di Malaysia? i. Enakmen/Ordinan ii. Undang-undang Adat iii. Perlembagaan persekutuan iv. Keputusan-keputusan mahkamah A. i dan ii B. i dan iii C. ii dan iv D. i, ii, iii dan iv	CLO3 C3	21. Antara pernyataan berikut yang manakah merupakan usaha-usaha yang dijalankan Jabatan Perpaduan Negara bagi memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional? i. Mengeluarkan beberapa penerbitan bersifat perpaduan seperti muhibah, kejiranan dan lain-lain. ii. Mengisyiharkan Hari Perpaduan pada 16 September setiap tahun. iii. Kempen menggalakkan pengibaran bendera Malaysia. iv. Pertandingan koir, menulis dan mewarna. A. i, ii dan iii B. i, ii dan iv C. ii, iii dan iv D. i, ii, iii dan iv	
CLO2 C2	18. Sekiranya seseorang ditahan kerana cuba menggunakan isu bahasa ia boleh dikenakan tindakan dibawah _____. A. Akta Keselamatan Dalam Negeri B. Akta Dadah Berbahaya C. Akta Hasutan 1948 D. Akta Jenayah	CLO3 C3	22. Institusi atau organisasi berikut ditubuhkan rentetan daripada tragedi 13 Mei 1969, KECUALI A. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) B. Jabatan Perpaduan Negara C. Dasar Pembangunan Nasional D. Majlis Perundungan Negara (MAPEN)	
CLO3 C3	19. Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan adat resam. Pilih kaum-kaum yang terdapat di Sarawak. i. Iban ii. Bajau iii. Bidayuh iv. Kadazan A. i dan ii B. ii dan iv C. i dan iii D. iii dan iv	CLO3 C3	23. Penyata Razak 1956 telah disemak oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Abdul Rahman Talib. Penyata Rahman Talib dikeluarkan pada tahun _____. A. 1959 B. 1960 C. 1961 D. 1962	

- CLO3
C3
24. Antara pernyataan berikut, yang manakah sering dikaitkan sebagai masalah-masalah yang lahir dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?

- i. Pemisahan tempat tinggal
 - ii. Pengasingan sistem pendidikan
 - iii. Fahaman dan tumpuan politik pendidikan
 - iv. Perbezaan warna kulit
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, ii dan iv
D. i, ii, iii dan iv

- CLO3
C3
25. Bagaimana kita harus mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan sehari-hari?

- i. Mengamalkan agama dan kepercayaan
 - ii. Tidak menderhaka kepada raja dan negara
 - iii. Mematuhi, menyanjung dan mempertahankan perlembagaan
 - iv. Bersopan dan bertatasusila ketika berada di khalayak sahaja
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, ii, iii dan iv
D. iv sahaja

- CLO3
C3
26. Prinsip Rukun Negara ini menekankan kesetiaan rakyat kepada ketua negara dan negeri masing-masing sekali gus melahirkan rakyat yang menghormati simbol-simbol kedaulatan negara dan berani mempertahankan negara daripada sebarang ancaman kuasa luar. Prinsip yang dimaksudkan ialah _____.

- A. Kepercayaan kepada Tuhan
B. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
C. Keluhuran Perlembagaan
D. Kedaulatan Undang-undang

- CLO3
C3
27. Pilih padanan yang BENAR yang melibatkan Rancangan Malaysia dan Perlaksanaan agenda kerajaan.

Rancangan Malaysia	Perlaksanaan agenda Kerajaan
A. Rancangan Malaysia Pertama	Pembukaan FELDA
B. Rancangan Malaysia Ke-2	Penubuhan PETRONAS
C. Rancangan Malaysia Ke-3	Penubuhan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM)
D. Rancangan Malaysia Ke-4	Penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

- CLO3
C3
28. Dasar Kebudayaan Kebangsaan diwujudkan berteraskan tiga prinsip utama iaitu _____.

- i. kebudayaan antarabangsa yang logik
- ii. kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- iii. kebudayaan lain yang wajar dan sesuai diterima
- iv. Islam sebagai unsur yang paling penting

- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv

- CLO3
C3
29. Kombinasi yang manakah merupakan objektif utama penubuhan perbadanan awam seperti TNB Berhad, Petronas Berhad, HICOM Berhad dan sebagainya?

- i. Membolehkan rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih baik
- ii. Membolehkan kerajaan bergiat dalam bidang pembangunan sosio ekonomi
- iii. Membolehkan kerajaan memonopoli sektor yang menguntungkan
- iv. Membolehkan kerajaan menyekat penglibatan swasta dalam bidang penting

- A. i dan ii
B. i dan iv
C. ii dan iii
D. iii dan iv

- CLO3
C3
30. Selain daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Belia Negara, kerajaan turut memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN). Apakah objektif utama PIN?

- A. Membasmi kemiskinan dan meningkat kadar pendapatan berkapita
- B. Menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya
- C. Meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan kesihatan yang sejahtera
- D. Membina sebuah negara yang mempunyai ciri-ciri negara moden

- CLO3
C3
31. Yang manakah antara yang berikut BUKAN fungsi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)?

- A. Penyelidikan dalam tanaman getah dan koko
- B. Penyelidikan dalam penanaman dan pengurusan hutan
- C. Pengumpulan dan penyebaran maklumat tentang perhutanan
- D. Kajian pemprosesan dan pengilangan hasil berasaskan kayu

- CLO3
C3 32. Matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah bersifat ‘serampang dua mata’ yang bertujuan _____.
 A. Mengelakkan pergantungan kepada orang tengah yang mengeksplorasi pengeluar barang.
 B. Meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat.
 C. Mengurang dan membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan semua rakyat tanpa mengira kaum.
 D. Memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi perhatian yang sejawarnya diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi.
- CLO3
C3 33. Pernyataan yang manakah BENAR menerangkan mengenai Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)?
 i. Kerjasama ASEAN mencakupi bidang ekonomi, pendidikan, keselamatan, kebudayaan dan perindustrian
 ii. ASEAN sebuah organisasi kerajaan yang dianggotai oleh 57 buah Negara Islam
 iii. Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) telah diwujudkan di semua Negara anggota ASEAN
 iv. Bermatlamat mewujudkan sebuah masyarakat dunia yang aman
 A. i dan ii
 B. i dan iii
 C. i, ii dan iv
 D. ii, iii dan iv
- CLO3
C3 34. Malaysia telah mengganggotai pertubuhan ini semenjak tahun 1957, matlamat pertubuhan ini adalah untuk mewujudkan persahabatan dan perpaduan, pembangunan ekonomi, pendidikan, pertahanan, pertanian dan perundangan yang baik antara semua negara bekas jajahan British. Pertubuhan yang dimaksudkan ialah _____.
 A. ASEAN
 B. PBB
 C. NAM
 D. KOMANWEL
- CLO3
C3 35. Pernyataan yang manakah BENAR menerangkan status Indeks Pencemaran Udara berada di tahap tidak sihat berdasarkan Indeks yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)?
 A. Bacaan IPU 51-100
 B. Bacaan IPU 101-200
 C. Bacaan IPU 201-300
 D. Bacaan IPU 301-500

- CLO3
C3 36. Pernyataan yang manakah BENAR menerangkan tentang Keanggotaan Malaysia di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?
 i. Malaysia dipilih untuk memimpin Negara-negara Kumpulan 77 untuk membincangkan isu-isu pembangunan dunia
 ii. Malaysia dipilih memimpin ICDATT (agensi antarabangsa) untuk membanteras penyalahgunaan dada
 iii. Malaysia dipilih menjadi tuan rumah Persidangan CHOGM pada tahun 1989
 iv. Malaysia mendapat khidmat nasihat mengenai pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan melalui Rancangan Colombo
 A. i dan ii
 B. iii dan iv
 C. i, ii dan iii
 D. i, ii dan iv
- CLO3
C3 37. Pernyataan berikut yang manakah BENAR menerangkan punca kepada kehadiran pepejal terampai di dalam lembangan sungai?
 i. Hakisan tanah
 ii. Pembangunan kawasan tanah tinggi
 iii. Pembukaan tanah untuk pembalakan
 iv. Pembukaan tanah untuk perlombongan
 v. Pembuangan sampah di dalam sungai
 A. i, ii, iii dan v
 B. ii, iii dan iv
 C. iii, iv dan v
 D. i, ii, iii dan iv
- CLO3
C3 38. Pernyataan yang manakah BENAR menerangkan tentang peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam perkara yang berkaitan politik dunia?
 i. Mengelakkan negara-negara kecil terlibat dalam perperangan ideologi
 ii. Perhimpunan Agung PBB
 iii. Majlis Keselamatan
 iv. Menjamin kedaulatan dan hak negara anggota
 A. i, ii dan iii
 B. ii, iii dan iv
 C. i dan iv
 D. ii dan iii

- CLO3 C3 39. Pernyataan yang manakah **BENAR** menerangkan tentang Teras Pembangunan Modal Insan?
- Melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Pelajaran 2006-2010 ,
 - Memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama rakyat Malaysia
 - Membangunkan universiti bertaraf antarabangsa
 - Melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
- A. i dan iv
B. ii dan iii
C. i dan ii
D. iii dan iv
- CLO3 C3 40. Pernyataan yang berikut merupakan beberapa langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memperkasakan modal insan **KECUALI**
- Memperkasa Sekolah Rendah dan Menengah
 - Memartabatkan profesion perguruan
 - Memantapkan pengajian tinggi
 - Memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara

SOALAN TAMAT